

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XII)24**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA  
YB. DATO' MUHAMAD YUSOFF BIN MOHD NOOR**

24. Jelaskan kesungguhan Kerajaan Negeri dalam membangunkan harta wakaf umat Islam di Pulau Pinang.
- (a) Apakah yang terjadi kepada premis-premis wakaf yang telah dikosongkan dan apakah aktiviti yang dilaksanakan yang boleh membangunkan ekonomi umat Islam.
  - (b) Apakah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) akan melibatkan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dalam membangunkan tanah-tanah wakaf?

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

24. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) amat serius dalam membangunkan harta wakaf umat Islam di Pulau Pinang. Kesungguhan usaha ini dapat dilihat melalui kejayaan beberapa projek pembangunan harta wakaf yang telah dan sedang dibangunkan untuk tempoh tiga (3) tahun kebelakangan ini serta projek dalam perancangan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Bagi premis-premis yang dikosongkan, ianya akan diisi dengan penyewa baru melalui pengiklanan kekosongan premis di dalam laman sesawang MAINPP, Wakaf Pulau Pinang Sdn. Bhd. dan melalui pengiklanan secara tampalan notis pemakluman di kawasan terdapatnya kekosongan premis.

Bagi melaksanakan aktiviti yang boleh menjana ekonomi umat Islam negeri ini melalui harta wakaf, MAINPP sedia menawarkan sejumlah 304 unit premis komersial untuk disewakan kepada masyarakat Islam di Pulau Pinang. Melaluinya pelbagai jenis aktiviti ekonomi yang sedang dinikmati oleh para peniaga dan masyarakat Islam di negeri ini, yang secara langsung telah berjaya meningkatkan ekonomi umat Islam itu sendiri.

- (b) Pihak MAINPP sentiasa bersikap terbuka untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak melalui syarikat-syarikat swasta Bumiputera yang berhasrat bersama-sama MAINPP untuk memajukan harta wakaf di negeri ini termasuk Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

## PROJEK PEMBANGUNAN HARTA WAKAF

### A. PROJEK SIAP

(i) Pembangunan Tanah Wakaf Pangsapuri Siti dan Hajjah Norijah, Sungai Nibong:

Pihak MAINPP dengan kerjasama Jabatan Zakat, Wakaf & Haji (JAWHAR) dan pihak JKR telah membangunkan tapak Tanah Wakaf Siti dan Hajjah Norijah di atas lot 1093 & 1094, Sungai Nibong, Mukim 12, DBD, Pulau Pinang seluas 1.571 ekar. Pembinaan 77 unit Pangsapuri 14 tingkat dan empat (4) unit kedai telah siap pada 25 April 2018.

(ii) Pangsapuri Wakaf Mohamed Hashim:

Pihak UDA melalui usahasama antara MAINPP-UDA telah membangunkan dua (2) Blok Pangsapuri 11 tingkat yang terdiri daripada 66 unit kediaman di atas tanah Wakaf Mohamed Hashim bin Haji Abdullah, Lot 192, Seberang Jaya, Mukim 1, SPT, Pulau Pinang yang berkeluasan 1.142 ekar. Projek ini telah disiapkan pada 26 September 2018. Pangsapuri ini telah mula didiami pada Oktober 2018.

(iii) Pangsapuri An-Nur, Teluk Air Tawar:

Pihak MAINPP dengan kerjasama Jabatan Zakat, Wakaf & Haji (JAWHAR) dan JKR sebagai agensi pelaksana juga telah melaksanakan projek pembangunan tanah wakaf seluas 2.525 ekar di atas lot 6247 & 6249, Teluk Air Tawar, Mukim 7, SPU. Kerja pembinaan ini merangkumi 152 unit pangsapuri 8 dan 12 tingkat, 3 unit kedai, sebuah Tadika dan Dewan Serbaguna. Pangsapuri ini telah mula didiami pada Februari 2020.

### B. PROJEK DALAM PELAKSANAAN

Pembangunan Tanah Wakaf Seetee Aisah (Fasa 2):

Pihak MAINPP melalui kerjasama dengan Uda Land (North) Sdn. Bhd. telah mula melaksanakan projek untuk memajukan Taman Wakaf Seetee Aisah (Fasa 2) di atas tanah Wakaf Seetee Aisah Lot 200, 252 & 3117, Seberang Jaya, Mukim 4, SPT, Pulau Pinang seluas 7.32 ekar. Projek ini merangkumi sejumlah 400 unit Pangsapuri Kos Sederhana 40 tingkat, 150 unit Rumah Pangsa Kos Rendah, 13 unit kedai, 20 unit ruang pejabat, sebuah Surau dan Dewan Serbaguna. Kerja pembinaan telah bermula pada Januari 2020.

### C. PROJEK DALAM PERANCANGAN

(i) Pembangunan Tanah Wakaf Al-Masriah

Pihak MAINPP melalui anak syarikatnya Wakaf Pulau Pinang Sdn. Bhd. juga telah menjalinkan Usahasama Pembangunan dengan pihak pemaju Global Kirana Sdn. Bhd. bagi membangunkan tanah wakaf di atas Lot 1277, Mukim 20, SPT, Pulau Pinang seluas 12.53 ekar. Komponen projek merangkumi sejumlah 147 unit rumah teres 2 tingkat, 9 unit gerai,

sebuah Surau dan Dewan Serbaguna. Pada masa ini MAINPP dalam peringkat akhir memuktamadkan perjanjian bersama pemaju berkenaan.

(ii) Pembangunan Tanah Wakaf Abdul Cauder

MAINPP dengan kerjasama Jabatan Zakat, Wakaf & Haji (JAWHAR) sedang dalam usaha mendapatkan kelulusan peruntukan berjumlah RM113,000,000.00 bagi membiayai pembangunan tapak Tanah Wakaf Abdul Cauder di atas Lot 208, Jalan Mengkuang, Seksyen 2, SPU, Pulau Pinang yang berkeluasan 2.625 ekar. Cadangan pembangunan merangkumi sejumlah 350 unit pangsapuri kos sederhana rendah.

(iii) Pembangunan Tanah Wakaf Sheikh Eusoff

MAINPP juga telah menjalinkan usahasama bersama Uda Holding Berhad yang merancang untuk memajukan tanah Wakaf Sheikh Eusoff di atas lot 1396 dan 1606, Seksyen 5, DTL, Jalan Air Itam, Pulau Pinang seluas 14.9648 ekar. Pelan Tatasusunan dan Rekabentuk Projek telah disediakan yang merangkumi 1245 unit Pangsapuri Kos sederhana dan Pangsapuri Kos Rendah beserta 48 unit Kedai Pejabat.

(iv) Pembangunan Tanah Wakaf Hashim Yahaya Kampung Dodol, Jalan Perak

Pihak MAINPP juga telah melantik pihak pemaju melalui usahasama dengan Porpoise Resources Sdn. Bhd. untuk memajukan tanah Wakaf wakaf Kapitan Keling di Kampung Dodol Lot 318,319,323,331,340(3),561 dan 563, Seksyen 9W, DTL, Pulau Pinang seluas 6.253 ekar dan wakaf Hashim Yahaya di atas lot 1956, Seksyen 6, DTL berkeluasan 7.569 ekar. Komponen pembangunan merangkumi 1136 unit fasa 1 dan 780 unit fasa 2.